

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

BERITA HARIAN – Bisnes – Isnin 10 Februari 2014 (C)

BH

10 FEBRUARI 2014 **ISNIN**

BISNES **B3**

Isu KTMB, klia2 tarik perhatian



**RITA BENOY
BUSHON**

» Kerajaan perlu campur tangan perkara babit kepentingan awam

Walaupun masih dalam suasana perayaan Tahun Baharu Cina, beberapa perkembangan korporat minggu ini menarik perhatian kami.

Kerajaan Malaysia dilaporkan menolak bidaan bersama MMC dan Gamuda untuk mengambil alih operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), yang mempunyai jumlah aset dianggarkan bernilai lebih daripada RM50 bilion.

Pengambilalihan aset berkenaan oleh sebuah konsortium swasta menimbulkan rasa kurang se-

lesa. Pihak berkuasa masih boleh menimbangkan penswastan daripada aspek operasi manakala aset kekal milik kerajaan, diikuti oleh terbitan saham kepada orang awam seperti yang dilakukan oleh TNB dan Telekom.

MMC sudah pun memiliki Lapangan Terbang Senai, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pasir Gudang. Pengambilalihan KTMB oleh MMC mungkin boleh menjejaskan keupayaan kewangan serta sumber MMC, berikutan lebih banyak beban yang perlu ditanggung.

Gagal tepati tarikh

Satu lagi perkembangan penting adalah berkaitan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). MAHB sudah mengumumkan bahawa kontraktor utama bagi terminal tambang murah, klia2 yang gagal menepati tarikh penyerahan yang ditetapkan pada 31 Januari 2014.

MAHB masih belum menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi bangunan terminal klia2 daripada konsortium UEMC-Bina Puri JV, yang dijadualkan pada 31 Januari.

Mengikut laporan, 65 peratus daripada terminal utama tidak mematuhi piawaian CCC yang menimbulkan kebimbangan daripada aspek kesihatan dan keselamatan.

Kami menggesa agar

MAHB menyiapkan projek ini seperti yang dijadualkan tanpa sebarang kompromi dalam piawaian keselamatan yang mana adalah aspek yang sangat penting.

Tahun 2014 adalah Tahun Melawat Malaysia, yang mana ketibaan pelawat asing menjadi komponen utama dalam penajaan perolehan. Oleh itu, sebarang penundaan akan mengakibatkan kehilangan peluang perolehan.

Selain itu, ia juga boleh menjejaskan reputasi MAHB akibat kelewatan ini. MAHB sepatutnya mendapat ganti rugi atas kelewatan penyerahan daripada pihak kontraktor.

Pihak kerajaan sebagai pihak berkepentingan telah mengambil langkah yang tepat untuk campur tangan dalam hal ini supaya tarikh pembukaan klia2 mengikut jadual tanpa kompromi daripada aspek keselamatan.

Menuju ke hadapan, dagangan pasaran dijangka mencabar bagi separuh pertama tahun ini. Tahun Kuda yang diraikan oleh masyarakat Cina juga dikatakan bakal membawa cabaran dari segi ekonomi.



Penulis

ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)